

Vape: KPDNHEP tiada kuasa

Azman Ibrahim

22 Julai 2019 3:35 PM



SEKUMPULAN pelajar tidak menghiraukan orang ramai dengan mengisap vape di sebuah gerai makanan dan melepak di kawasan yang tersembunyi - UTUSAN ONLINE/AZLAN HADI ABU BAKAR

KUALA LUMPUR 22 Julai – Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak mempunyai kuasa untuk menangani isu penyalahgunaan vape dalam kalangan pelajar.

Ini kerana bidang penguatkuasaan kementerian itu hanya membabitkan isu barangan dan kandungan tiruan atau penyalahgunaan jenama terhadap produk rokok elektronik berkenaan.

Pengarahnya, Datuk Iskandar Halim berkata, pihaknya sedia maklum mengenai perkara ini, namun, tidak ada kuasa untuk menangani perkara itu.

“KPDNHEP setakat ini tidak ada kuasa membabitkan perkara ini. Setakat ini tidak ada lagi undang-undang berkaitan vape yang dikuatkuasakan oleh Kementerian ini.

“Kalau vape itu guna jenama orang lain punya, ada orang mengadu, baru kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya,” katanya kepada Utusan Online di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan Utusan Malaysia dalam siri laporan khas mengenai penyalahgunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah.

Laporan berita itu memetik penyalahgunaan vape ini semakin membimbangkan membabitkan kelompok pelajar sehingga di peringkat sekolah rendah.

Berikutan jualan yang memberangsangkan, ada penjual vape menawarkan perkhidmatan bayaran ansuran kepada para pelajar berkenaan.

Malah, terdapat kegiatan sebilangan pelajar yang menjadi ejen jualan vape kepada para pelajar yang lain. -
UTUSAN ONLINE

